

Hukum Nasab Dalam Islam: Aplikasinya di Malaysia

Wan Ab. Rahman Khudzri Wan Abdullah,
Md. Zawawi Abu Bakar &
Wan Ibrahim Wan Ahmad

Tumpuan Perbincangan

- ▶ Permasalahan
- ▶ Objektif Kajian
- ▶ Kaedah Penyelidikan
 - ▶ Hasil Kajian
 - ▶ Rumusan

Permasalahan

- ▶ Hukum nasab bertujuan untuk memelihara kesucian keturunan
- ▶ Islam mewajibkan perkahwinan supaya anak yang lahir membentuk keluarga yang sah dan kesucian keturunan terpelihara
- ▶ Kini ramai wanita hamil sebelum berkahwin dan melahirkan anak bukan hasil perkahwinan yang sah

Permasalahan

- ▶ Pasangan berkahwin setelah mengandung terlebih dahulu melahirkan anak yang menggugat kesucian keturunan
- ▶ Bagaimana kedudukan anak yang lahir dalam keadaan ini di sisi Islam?
- ▶ Bagaimana fatwa mengenai anak ini?. Bagaimana JPN mengendalikan kes ini?

Objektif Kajian

- ▶ Secara khusus kajian ini bertujuan untuk menganalisis hukum nasab dalam Islam dan menganalisis aplikasinya di Malaysia

Objektif Kajian

Secara khusus kajian ini dilakukan untuk:

- ▶ Mengumpul fatwa terkini di Malaysia mengenai hukum nasab
- ▶ Mengenalpasti fatwa umum yang menjadi pegangan masyarakat
- ▶ Menganalisis aplikasi hukum nasab dalam pendaftaran kelahiran di Malaysia

Kaedah Penyelidikan

- ▶ Dari segi reka bentuk, kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif, iaitu reka bentuk analisis kandungan
- ▶ Data untuk analisis kajian diperolehi daripada tiga (3) sumber utama:

Kaedah Penyelidikan

- ▶ (1) Analisis kandungan ke atas (a) kitab-kitab turath; (b) tulisan semasa ulama; dan (c) fatwa rasmi negeri-negeri
- ▶ (2) Daripada temubual mendalam ke atas pegawai di Jabatan Mufti dan JPN
- ▶ (3) Keputusan mahkamah dan laporan jurnal hukum dan undang-undang

Lokasi dan Responden

Kajian ini dilakukan di negeri Kedah dan Perlis yang dipilih secara *purposive*

- ▶ Responden kajian terdiri daripada pegawai berkaitan dengan fatwa dan pegawai di JPN di negeri-negeri berkenaan

Alat Kajian dan Analisis

- ▶ Data dikumpulkan melalui temubual mendalam @ temubual tidak berstruktur
- ▶ Analisis data dilakukan secara deskriptif; secara induktif dan komparatif

Hasil Kajian

(1) Fatwa terkini mengenai nasab:

- ▶ Fatwa Wilayah Persekutuan
 - ▶ Fatwa Negeri Kelantan
 - ▶ Fatwa Negeri Terengganu
 - ▶ Fatwa Negeri Kedah
- ▶ Fatwa Negeri Pulau Pinang
 - ▶ Fatwa Negeri Sarawak
 - ▶ Fatwa Negeri Perlis

Hasil Kajian

(1) Fatwa terkini mengenai nasab:

- ▶ Fatwa semua menyatakan anak yang lahir setelah lebih enam bulan dari tarikh perkahwinan dikira anak sah taraf dan boleh dinasabkan kepada suami ibu

Hasil Kajian

(1) Fatwa terkini mengenai nasab:

- ▶ Fatwa Negeri Perlis menyatakan anak yang lahir kurang enam bulan perkahwinan dianggap sah taraf dan boleh dibinkan kepada suami ibunya

Hasil Kajian

(2) Fatwa umum yang menjadi pegangan masyarakat:

- ▶ Terdapat pandangan mengatakan anak yang lahir kurang enam bulan dari tarikh perkahwinan dikira anak sah taraf dan boleh dinasabkan kepada suami ibu

Hasil Kajian

(2) Fatwa umum yang menjadi pegangan masyarakat:

- ▶ Negeri Kedah memfatwakan hanya anak yang lahir lebih enam bulan dari tarikh perkahwinan dikira anak sah taraf dan boleh dinasabkan

Hasil Kajian

(2) Fatwa umum yang menjadi pegangan masyarakat:

- ▶ Masyarakat Malaysia berpegang kepada fatwa Kebangsaan, iaitu hanya anak yang lahir lebih enam bulan dari tarikh perkahwinan dikira anak sah taraf dan boleh dinasabkan

Hasil Kajian

(3) Aplikasi hukum nasab dalam pendaftaran kelahiran di Malaysia:

- ▶ Aplikasi hukum nasab dilihat dalam konteks pendaftaran kelahiran yang menjadi tanggungjawab JPN

Hasil Kajian

(3) Aplikasi hukum nasab dalam pendaftaran kelahiran di Malaysia:

- ▶ Semasa mendaftar kelahiran, JPN menggunakan fatwa Kebangsaan, iaitu hanya anak yang lahir lebih enam bulan dari tarikh perkahwinan dikira anak sah taraf dan boleh dinasabkan

Hasil Kajian

(3) Aplikasi hukum nasab dalam pendaftaran kelahiran di Malaysia:

- ▶ Batas yang diperhatikan oleh JPN untuk mendaftar kelahiran ialah memerhatikan adakah setiap kelahiran melepasi enam bulan 2 lahzah dari tarikh perkahwinan

Hasil Kajian

(3) Aplikasi hukum nasab dalam pendaftaran kelahiran di Malaysia:

- ▶ Untuk mendaftar kelahiran, JPN akan menyemak: sijil nikah, kad pengenalan ibu dan bapa, buku pr natal, dan surat pengesahan kelahiran hospital

Hasil Kajian

(3) Aplikasi hukum nasab dalam pendaftaran kelahiran di Malaysia:

- ▶ Jika kelahiran berlaku sebelum enam bulan perkahwinan, JPN akan mengikut prosedur anak tersebut sebagai anak tidak sah taraf

Hasil Kajian

(3) Aplikasi hukum nasab dalam pendaftaran kelahiran di Malaysia:

- ▶ Anak didaftar, dan surat lahir mencatatkan *maklumat tidak diperolehi* di bahagian-bahagian tertentu; catatan *bin* atau *binti* juga berlainan dengan nama bapanya

Rumusan Kajian

Hasil kajian mendapati:

- ▶ Ada dua bentuk fatwa berkaitan dengan nasab bagi kes kelahiran kurang enam bulan dari tarikh akad nikah; satu dari negeri Perlis, dan satu lagi semua negeri lain
- ▶ Pegangan umum masyarakat ialah ke atas Fatwa Kebangsaan
- ▶ JPN mengikuti prosedur anak tak sah taraf jika kelahiran kurang dari enam bulan perkahwinan

TERIMA

KASIH